

KEPELBAGAIAN BENTUK WAKAF HAK MAKNAWI KE ARAH PEMBANGUNAN UMMAH

Siti Syarwani Ghazali^a, Izzah Nur Aida Zur Raffar^{b*}

^aFakulti Pengajian Kontemporari Islam, Kolej Profesional Baitulmal,
Email: sitisyarwani@kpbkl.edu.my

^bAkademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara, Melaka,
Email: izzahnur@uitm.edu.my

*Corresponding Author

Article info

Received:
12/03/2021
Received in revised form:
10/06/2021
Accepted:
12/06/2021
Available online:
15/06/2021

Keywords:
Hak Maknawi;
Harta Alih;
Harta Tak Alih;
Wakaf Manfaat;

Abstrak

Wakaf adalah salah satu institusi ekonomi Islam yang menggabungkan elemen kerohanian dan kebendaan melalui pemberian manfaat kebajikan dan ekonomi kepada masyarakat dan golongan yang memerlukan. Walaubagaimanapun, pemahaman mengenai wakaf dalam kalangan masyarakat di Malaysia masih di tahap rendah. Menyedari akan kepentingan harta wakaf yang perlu dibangunkan dan potensi wakaf untuk memenuhi tuntutan kemajuan umat Islam, maka kajian ini dilakukan bertujuan bagi mengenal pasti kepelbagaian bentuk harta wakaf pada masa kini khususnya dalam bentuk hak maknawi ke arah pembangunan ummah. Kajian ini menggunakan analisis dokumen sebagai kaedah pengumpulan data dan dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian mendapati tiga bentuk harta wakaf yang dapat membangunkan sosio-ekonomi ummah iaitu Harta Tak Alih ('aqar), Harta Alih (manqul) serta Hak dan Manfaat (al-huquq wa al-manfaah). Manakala al-huquq wa al-manfaat (hak maknawi) boleh berupa harta intelek, hak cipta, kepakaran, pemilikan hak dan karya inovasi. Implikasi kajian ini dapat memberi pengetahuan kepada masyarakat umum berkenaan amalan wakaf dan pembudayaannya ke arah pembangunan ummah.

DIVERSITY FORMS OF LEGAL RIGHTS (MAKNAWI RIGHTS) WAQF TOWARDS THE DEVELOPMENT OF COMMUNITY

Abstract

Waqf is one of the Islamic economic institutions that combines spiritual and material elements through the provision of welfare and economic benefits to communities and those in need. However, the understanding of waqf among communities in Malaysia is still low. Recognizing the importance of waqf property that needs to be developed and the potential of waqf to meet the demands of Muslims advancement, then this study is aimed at identifying the diversity of waqf property in the present, especially in the form of legal rights (maknawi rights) of the development of people. This study used documentary analysis as a method of data collection and was being analyzed descriptively. The findings show that three forms of waqf property that can develop the socio-economy of community, that is immovable property ('aqar), movable property (manqul) and the rights and benefits (al-huquq wa al-manfaah). While al-huquq wa al-manfaah (legal rights) may be intellectual property, copyright,

expertise, ownership of rights and innovation work. The implications of this study can provide knowledge to the general public on the practice of waqf and its culture towards the development of community.

Keywords: immovable property, legal rights, movable property, usufruct waqf

PENGENALAN

Perkataan wakaf berasal daripada istilah bahasa Arab iaitu *waqf* yang merujuk kepada sesuatu pemberian untuk tujuan-tujuan keagamaan, kekeluargaan, kebajikan dan lain-lain. Secara etimologi, perkataan *waqf* yang merupakan kata kerja, terdiri daripada *waqafa*, *yaqifu*, *waqfan* ini adalah bermaksud *al-habs* iaitu menahan. Dalam erti kata lain, ia bermaksud menahan sesuatu harta semata-mata kerana Allah SWT demi untuk kepentingan umum. Pengertian wakaf menurut ulama mazhab Shafi'i iaitu menahan harta yang boleh diambil manfaat daripadanya dengan dikekalkan zat harta (*‘ayn*). Maka hak pewakaf terhadap pengurusan harta terhapus, sedangkan hasilnya digunakan bagi tujuan kebajikan serta mendekati diri kepada Allah SWT (al-Jurjani, 1983). Monzer Qahf (1998) mentakrifkan wakaf menurut syarak sebagai menahan harta baik selamanya mahupun sementara agar manfaat daripada harta tersebut atau hasilnya dapat diambil secara berulang untuk keperluan kebajikan sama ada bersifat umum atau khusus. Beliau melihat aspek perundangan dan persekitaran ekonomi masyarakat dapat disesuaikan dengan wakaf dalam konteks semasa.

Berdasarkan kepada takrifan yang diberikan, wakaf boleh berlaku dengan menahan sesuatu harta yang bernilai dan boleh dimanfaatkan secara berterusan dengan mengalirkan manfaatnya. Ini sebagaimana pandangan jumhur ulama fiqh. Menahan harta ertinya harta itu tidak boleh dijual, dihibah dan tidak boleh dijadikan harta pusaka serta manfaatnya hendaklah digunakan bagi tujuan wakaf mengikut ketentuan pewakaf. Sementara dalam konteks perundangan di Malaysia, tafsiran bagi wakaf misalnya dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor (2015) di mana harta termasuklah (a) harta alih, harta tak alih atau harta intelek; (b) apa-apa manfaat atau kepentingan dalam apa-apa harta alih, harta tak alih atau harta intelek; (c) apa-apa hak, kepentingan, hak milik atau selainnya yang berkaitan dengan harta alih, harta tak alih atau harta intelek; dan (d) kepakaran dan perkhidmatan yang mempunyai nilai mengikut hukum Syarak. Oleh yang demikian, rumusan dalam undang-undang wakaf tersebut menyatukan pelbagai pandangan ulama fiqh secara harmoni sebagai panduan masyarakat di Malaysia.

Wakaf merupakan salah satu institusi ekonomi Islam yang menggabungkan elemen kerohanian dan kebendaan melalui pemberian manfaat kebajikan dan ekonomi kepada masyarakat dan golongan yang memerlukan. Wakaf turut menjadi satu instrumen agihan semula kekayaan untuk memberi lebih banyak manfaat. Sejarah Islam memperlihatkan hasil yang amat positif kesan daripada pengurusan harta wakaf yang kreatif dan tersusun misalnya ketika zaman pemerintahan Uthmaniyyah. Perkembangan harta wakaf bergerak seiring dengan perkembangan harta ketika itu. Maka, wakaf dapat diimplementasi dalam konteks kehidupan semasa yang melibatkan pelbagai bentuk harta pemilikan dalam urusan seharian. Dengan ini, harta-harta yang diguna pakai masa kini dapat dimanfaatkan sebaiknya menurut syarak dan menjadi satu pelaburan dunia dan akhirat yang menguntungkan. Ini kerana, melalui amalan berwakaf, umat Islam terdidik dengan perancangan pelaburan untuk kemaslahatan hidup di dunia dan juga bekalan kehidupan akhirat. Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai bentuk harta yang wujud dan terus berkembang, namun tidak dikenal pasti statusnya dalam wakaf. Oleh itu, kepelbagaian harta wakaf perlu dikaji secara mendalam agar dapat melestarikan aset wakaf dan menyumbang kepada perkembangan sosio-ekonomi diri, masyarakat dan negara. Justeru, kajian ini dilakukan bertujuan bagi mengenal pasti kepelbagaian bentuk harta wakaf masa kini ke arah pembangunan ummah.

PERNYATAAN MASALAH

Dr. Wan Azizah ketika berucap di Majlis Makan Malam Persidangan Global Wakaf ke-7 menyatakan bahawa Malaysia turut berdepan dengan persepsi dalam pengurusan institusi dan harta wakaf akibat kekurangan pengetahuan dan pentadbiran. Sekalipun Malaysia memiliki sumber aset yang besar, institusi wakaf masih berdepan dengan kekangan kewangan dan kekurangan rangka kerja undang-

undang pentadbiran wakaf (Ilah Hafiz Aziz, 2019). Selain itu, menurut Profesor Madya Dr. Amir Shahrudin (2020) terdapat lebih 33,000 ekar tanah wakaf yang didaftarkan di bawah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dengan peratusan hanya 15% tanah yang diusahakan. Hal ini berikutan faktor keluasan tanah, kedudukan tanah yang tidak strategik dan kekurangan dana lantas mengakibatkan projek berimpak tinggi kepada masyarakat tidak dapat dilaksanakan. Tidak dinafikan projek-projek yang berupaya memberi manfaat besar kepada umat Islam memerlukan dana yang besar dan ia tidak mudah untuk digalas sepenuhnya oleh MAIN selaku pemegang amanah tunggal harta wakaf. Justeru, peranan dalam menggerakkan pembangunan dan kelestarian wakaf memerlukan gandingan usahasama di peringkat persekutuan, negeri, organisasi di bawah kerajaan mahupun swasta dan masyarakat. Salah satu cara menggerakkan agenda pembangunan harta wakaf melalui kutipan wakaf tunai boleh dipelbagai dan diluaskan dalam batasan syarak. Pengamalan wakaf tunai di MAIN, organisasi yang mengurus wakaf dan Institusi Pengajian Tinggi Awam serta swasta adalah seperti pengumpulan dana melalui wakaf tunai, jualan unit-unit saham, saham wakaf, sukuk dan wakaf seni dengan penglibatan daripada masyarakat awam sehingga syarikat korporat.

Penglibatan institusi korporat sangat penting dalam membantu pembangunan hartanah wakaf menerusi kepakaran dalam perniagaan, hartanah, ekonomi, pasaran kewangan dan teknologi digital dapat mengurus harta wakaf sewajarnya. Johor Corporation antaranya memperkukuh empat bisnes terasnya iaitu perladangan di bawah Kulim (Malaysia) Berhad (Kulim), kesihatan pakar (KPJ Healthcare Berhad), hartanah (Johor Land Berhad, Damansara Assets, TPM Technopark Sdn dan TLP Terminal Sdn Bhd) serta makanan dan perkhidmatan restoren (QSR Brands) (Laporan Tahunan Johor Corporation, 2019). Selain industri korporat, Institusi Pendidikan Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/IPTS) turut tidak ketinggalan dalam melaksanakan wakaf bagi tujuan pengumpulan dana pendidikan ekoran tiada lagi peruntukan besar yang mampu disediakan oleh kerajaan pusat. Walaubagaimanapun IPTA dan IPTS berhadapan kekangan tersendiri dan perlaksanaan kini lebih tertumpu kepada wakaf tunai (Ismail Omar, 2020). Tindakan penambahbaikan pada tadbir urus, struktur organisasi, tahap pengurusan profesional, agihan manfaat wakaf dan penerokaan kepelbagaian wakaf perlu dilakukan.

Pelbagai bentuk wakaf boleh dilaksana dan dikembangkan dengan penglibatan lebih banyak pihak dan kumpulan sasaran mengikut kepada kemahiran dan kepakaran yang dimiliki antaranya pemilikan terhadap kepelbagaian harta intelek dan hak cipta. Hal ini kerana tidak ramai yang mempunyai kepakaran dalam ekonomi dan pembangunan harta yang boleh menjadi sasaran sebagai pewakaf. Namun kumpulan kepakaran dalam karya inovasi dan kreativiti turut sama boleh menyumbang sesuai dengan kemahiran yang dimiliki dan amalan berwakaf dapat dibudayakan dengan penglibatan secara menyeluruh. Harta intelek mempunyai nilai tersendiri dalam pasaran berdasarkan kepada nilai ekonomi dan nilai moral yang diiktiraf ke atasnya. Malah ia menjadi hasil pendapatan kepada pemilikinya. Walaubagaimanapun pewakafan bentuk ini tidak dikenali dan kurang popular dalam pengamalan wakaf. Malah kesahan wakaf menerusi harta tersebut belum difahami dengan baik.

Menyedari akan kepentingan harta wakaf dibangunkan dan potensi wakaf untuk memenuhi tuntutan kemajuan umat Islam khasnya dalam menghadapi cabaran alaf baharu, pelbagai bentuk harta wakaf perlu diketengahkan. Oleh yang demikian, kebanyakan ulama kontemporari telah menggunakan ijtihad penerimaan perwakafan harta alih kerana *masalah*. Namun begitu, perselisihan ulama terhadap harta wakaf tidak terbatas ke atas harta alih dan tidak alih sahaja. Ini kerana, pada harta alih dan tidak alih yang diwakafkan terdapat hak-hak (*right*) atau manfaat. Manakala, pada hari ini hak-hak dan manfaat telah menjadi sesuatu yang mempunyai nilai dalam pasaran. Justeru, wujud keperluan mengkaji potensi lain-lain harta yang berupa abstrak bagi tujuan wakaf. Sekiranya ia memenuhi prinsip wakaf, lebih banyak manfaat dapat disalurkan kepada umat Islam.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian dibahagikan kepada lima aspek iaitu rekabentuk kajian, lokasi kajian, sampel kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah penganalisan data. Walau bagaimanapun, hanya tiga aspek yang

terpakai dalam kajian ini iaitu reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah penganalisan data. Rekabentuk kajian merupakan kerangka yang digunakan dalam sesebuah kajian bagi tujuan mengumpul dan menganalisis data. Creswell menyatakan bahawa reka bentuk kajian adalah cadangan bagi menjalankan kajian yang melibatkan interaksi antara falsafah kajian, strategi penyelidikan dan metod kajian. Rekabentuk kajian terdiri daripada kualitatif yang bersesuaian bagi kajian penerokaan dan kajian kuantitatif yang bersesuaian bagi kajian deskriptif. (Zawiyah Mohd Yusof, 2012). Penyelidikan deskriptif juga adalah sejenis penyelidikan yang mengkaji para peserta yang mengambil bahagian dalam penyelidikan atau situasi tertentu. Penyelidikan deskriptif tidak membatasi sama ada metodologi penyelidikan kuantitatif atau kualitatif. Sebaliknya ia menggunakan unsur keduanya. Tiga cara utama yang sering digunakan dalam penyelidikan deskriptif dalam mengumpul dan menganalisis data iaitu pemerhatian, kajian kes dan tinjauan.

Kajian ini mengguna pakai pendekatan kualitatif. Kaedah analisis dokumen digunakan bagi mengumpul maklumat daripada sumber primer dan sekunder. Sumber primer yang dirujuk seperti al-Quran, buku-buku karangan ulama klasik dan statut perundangan di Malaysia. Manakala, sumber sekunder yang dirujuk seperti kitab-kitab kontemporari karangan ulama dan sarjana Islam, artikel, kertas kerja seminar, jurnal, akhbar, majalah dan laman sesawang bagi mendapatkan maklumat yang seimbang dan mendalam. Pendekatan analisis secara deskriptif digunakan dengan mengkaji pandangan ulama bagi menghurai dan menjelaskan bentuk harta wakaf menurut syarak seterusnya implimentasi wakaf dalam konteks semasa.

Seterusnya data yang dikumpul dianalisis dengan pendekatan deskriptif dan deduktif. Pendekatan deskriptif ini digunakan dengan mengkaji pandangan ulama bagi menghurai dan menjelaskan bentuk harta wakaf menurut syarak seterusnya implimentasi wakaf dalam konteks semasa. Selain itu, kaedah secara deduktif juga digunakan bagi mengupas kedudukan al-huquq al-maknawiyah sebagai harta wakaf berdasarkan pandangan ulama klasik dan kontemporari. Kaedah deduktif ialah membuat kesimpulan daripada pemerhatian umum kepada khusus.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Sejarah membuktikan semenjak pada zaman awal Islam sehingga kini, terdapat pelbagai jenis harta yang digunakan bagi tujuan wakaf. Pengamalan ini adalah hasil ijihad ulama fiqh berdasarkan amalan Nabi SAW dan para sahabat disebabkan tiada jenis harta yang spesifik boleh diwakafkan dalam Islam. Oleh yang demikian, kajian ini mendapati tiga bentuk harta wakaf yang dapat membangunkan sosio-ekonomi ummah di Malaysia iaitu Harta Tak Alih (*‘Aqar*), Harta Alih (*Manqul*) serta Hak dan Manfaat (*Al-Huquq wa al-Manfa‘ah*).

Rajah 1: Bentuk Harta Wakaf Menurut Syarak



Harta Tak Alih (*‘Aqar*)

Amalan wakaf hanya terbatas kepada harta *‘aqar* (harta tidak alih) sebagai aset wakaf pada awal Islam, seperti tanah Abu Bakar, tanah Hakim bin Hizam di Makkah dan Madinah, tanah Umar di Khaybar, dan telaga Rawmah oleh Uthman, tanah Zubayr di Mekah dan Mesir (Ibn Qudamah, 1984), dan tanah Abu

Talhah. Harta tidak alih merupakan harta yang menjadi pilihan kerana kesemua wakaf yang berbentuk fizikal tersebut dapat menjamin ciri pengekalan dan nilai manfaat yang berterusan kepada benefisiari (al-Khin, 1991; al-Zuhayli, 2005). Harta tidak alih (immovable asset) atau disebut sebagai *‘aqar* adalah harta yang tidak dapat dipindahkan dari satu tempat ke satu tempat yang lain seperti tanah, rumah, premis perniagaan, perigi atau mata air (al-Zuhayli, 2004). Justeru, mereka bersetuju menentukan harta wakaf adalah *‘aqar* kerana ia menepati kriteria terpenting sesuatu perwakafan iaitu wujudnya elemen kekal. Ulama fiqh telah bersepakat bahawa harta jenis ini adalah sah diwakafkan walau apa keadaannya, selagi mana ia boleh mendatangkan manfaat ketika itu atau kemudiannya (al-Zuhayli, 2005). Manakala selain daripadanya iaitu *manqul* (harta alih) tidak diterima sebagai harta wakaf (Ibrahim, 1986). Walau bagaimana pun, harta yang ingin diwakafkan perlu menepati syarat-syarat kesahan harta wakaf seperti yang telah dinyatakan. Ini bermakna, sesuatu yang memenuhi syarat-syarat kesahan wakaf, boleh diterima sebagai harta benda wakaf sebagaimana harta *‘aqar* (harta tidak alih) yang boleh diambil manfaat.

Harta Alih (*Manqul*)

Harta alih (movable asset) atau *manqul* didefinisikan sebagai sesuatu yang boleh dipindah atau dialih kedudukannya dari satu tempat ke satu tempat yang lain, baik yang tetap dalam bentuk dan keadaannya, mahupun terjadi perubahan termasuklah mata wang, harta perdagangan, haiwan, benda yang disukat dan ditimbang, kenderaan, alatan perang, pakaian, berus, bekas, atau buku-buku yang bermanfaat (al-Zuhayli, 2004). Harta alih merupakan salah satu daripada bentuk harta. Harta alih boleh dikelaskan kepada dua jenis iaitu harta ketara yang boleh disentuh (tangible) yang wujud secara fizikal dan harta tak ketara (intangible) yang tidak wujud secara fizikal tetapi boleh ditukarkan menjadi sesuatu yang bernilai dan bermanfaat. Adapun, dalam menetapkan hukum wakaf yang melibatkan harta alih yang boleh disentuh (tangible) ini, tidak semua ulama menerimanya sebagai harta yang boleh diwakafkan kerana berpendapat tidak wujud elemen kekal padanya. Majoriti ulama antaranya Ibn Abidin, Anas bin Malik, al-Khursyi, An-Nawawi, al-Sharbini, Ibnu Qudamah, al-Bahuti daripada Mazhab Maliki, Shafie dan Hanbali berpendapat harus berwakaf dengan harta alih (al-*manqul*). (Fathullah al-Haqq & Jasni Sulong, 2017). Nabi Muhammad SAW pernah mempertahankan Khalid al-Walid sebagaimana berikut:

“Adapun mengenai Khalid, kamu telah berlaku zalim terhadapnya, sesungguhnya beliau telah mewakafkan segala persediaan perang untuk berperang di Jalan Allah SWT”.

(Sahih al-Bukhari, No. 1468).

Walaupun bagaimanapun, Imam Abu Hanifah tidak menerima harta alih sebagai harta wakaf. Menurutnya, harta alih memiliki kemungkinan besar untuk tidak kekal sedangkan beliau berpandangan bahawa wakaf harus kekal selamanya berdasarkan kepada asas wakaf yang dipegang iaitu pengekalan (*ta’bid*). Namun, Imam Muhammad dan Abu Yusuf daripada mazhab Hanafi, menerima wakaf harta alih sebagai pengecualian dari prinsip pengekalan dalam tiga keadaan. Pertama, menurut Imam Abu Yusuf, harta alih tersebut harus menyertai harta tidak alih sama ada sesuatu yang melekat pada harta tidak alih seperti bangunan dan pokok atau sesuatu yang khusus disediakan untuk kepentingan harta tidak alih seperti alat untuk membajak sawah. Harta alih di sini sama ada ia bergantung pada harta lain yang diwakafkan atau ia sendiri adalah *‘ayn* yang diwakafkan (Balini, 1950). Kedua, berdasarkan athar (perilaku) sahabat yang membolehkan wakaf senjata, dan pakaian yang digunakan untuk berperang. Ini sebagaimana yang dilakukan oleh Khalid bin al-Walid (Marghinani, 1980). Ketiga, berdasarkan *‘urf* (tradisi) menurut pandangan Imam Muhammad, seperti mewakafkan kitab-kitab dan mashaf al-Quran. Secara umumnya, Imam Muhammad dan Imam Abu Yusuf membolehkan wakaf harta alih yang bersifat pengecualian daripada penetapan umum seperti yang telah dinyatakan. Kontroversi tentang harta wakaf dalam kalangan ulama berkait rapat dengan pandangan masing-masing terhadap harta (*mâl*).

Walaupun bagaimanapun, kesemua pandangan yang dikemukakan tersebut bersepakat pada sifat kekalnya manfaat daripada harta yang diwakafkan. Meskipun terdapat perbezaan pandangan dalam kalangan ulama fiqh berhubung dengan status harta alih, namun, majoriti ulama fiqh telah menerima harta alih. Menurut Imam Ahmad Ibn Hanbal, Imam al-Shafi’i, Imam Malik, Imami dan Ja’fari, harta

alih boleh diwakafkan. Perbahasan ulama terdahulu berkaitan wakaf harta alih kurang diberi tumpuan kepada harta berbentuk wang, saham dan seumpamanya kerana harta berbentuk demikian kurang popular pada ketika itu. Namun begitu, jumhur ulama seperti Imam al-Shafi'i, Imam Malik dan Imam Ahmad Ibn Hanbal berpandangan, harta alih boleh diwakafkan dengan syarat ianya tidak habis semasa digunakan seperti kereta, dan peralatan perabot (Asmak Ab Rahman, 2009). Sejarah membuktikan bahawa wakaf tunai telah dilaksanakan semenjak abad kedua Hijriyah (Cizakca, t.th). Ini berdasarkan kepada pandangan Muhammad Abdullah al-Ansari yang membenarkan wakaf dinar dan dirham serta menyatakan garis panduan pengekalan harta benda wakaf dengan cara penggantian harta tersebut (Ibn 'Abidin, 1994).

Penggantian tersebut dilakukan dengan cara melaburkan nilai mata wang daripada wakaf dinar dan dirham dan dikembangkan atau digunakan untuk pembelian tanah agar kemanfaatan benda wakaf tetap terjaga (Abu Zahrah, 1971). Ini bermaksud, harta alih seperti wang tunai adalah diterima sebagai harta yang boleh diwakafkan selama harta tersebut berupaya menjana manfaat secara berkekalan dan berterusan serta tidak habis semasa digunakan. Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali Ke 77 yang bersidang pada 10-12 April 2007 di Kuala Terengganu telah memutuskan bahawa berwakaf dalam bentuk wang tunai adalah dibolehkan dalam Islam. Hal ini setelah menurut pertimbangan daripada aspek masalah, kerana manfaatnya lebih banyak berbanding mudarat, terutamanya untuk direalisasikan kepada usaha-usaha produktif dan manfaat jangka panjang (Fajar, t.th). Justeru, dalam wakaf kontemporari kini telah wujud pelbagai bentuk lain dalam wakaf daripada tanah (kedai, rumah kedai, kediaman) bangunan sekolah, masjid, ladang pertanian, hasil sewaan, wakaf saham, saham wakaf, wakaf jemba, wakaf korporat dan lain-lain harta alih (Asmak, 2009; Siti Mashitoh, 2007).

Pelbagai pendekatan diperkenal dan digunakan dalam memajukan harta wakaf secara kreatif dan inovatif. Selain itu, sukuk (bon Islam) antara harta semasa yang digunakan dalam sesebuah institusi wakaf seperti yang diamalkan di Singapura dan Arab Saudi. Sukuk merupakan salah satu instrumen yang terdapat pada pasaran modal Islam. Institusi wakaf yang kekurangan dana boleh menjadikan pasaran modal Islam ini sebagai sumber utama untuk mendapatkan dana pembangunan terhadap aset wakaf. Dengan adanya instrumen sukuk, ianya boleh digunakan sebagai salah satu alternatif pembiayaan kepada institusi wakaf untuk melestari serta memartabatkan aset wakaf yang terbiar. Misalnya, pembangunan semula aset wakaf yang terletak di Bencoolen Singapura yang dilakukan oleh Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) dengan menggunakan sukuk musyarakah sebagai kaedah pembiayaan pembangunan (Hydzulkifli & Asmak, 2013). Justeru, Institut Wakaf Islam Antarabangsa (IIW) yang melihat potensi daripadanya telah mengadakan koleborasi bersama Pentadbiran Wakaf Sunni di Bahrain, iaitu dengan mewujudkan program pengurusan Instrumen pembiayaan Inovatif Wakaf Sukuk (Anon, 2007).

Hak dan Manfaat (*Al-Huquq wa al-Manfaah*)


Perbahasan ulama berkenaan wakaf tidak tertumpu pada harta 'aqar dan manqul sahaja. Ini kerana, terdapat hak-hak dan manfaat pada kedua-dua bentuk harta 'aqar dan manqul. Walau bagaimanapun, hak-hak dan manfaat kurang diketengahkan sebagai satu bentuk harta yang boleh diwakafkan. Sedangkan kini terdapat urusan niaga yang melibatkan hak-hak dan manfaat. Berdasarkan kepada sejarah wakaf, dapat dikenal pasti berlaku perwakafan daripada manfaat hamba sahaya ketika zaman pemerintahan Mamluk Sulaiman Basya iaitu penguasa dinasti Uthman ketika menakluk Mesir, telah mewakafkan hamba sahaya untuk tujuan memelihara masjid dan madrasah (Anon, 2007). Maka, manfaat pada hamba (ummu walad) ketika hidupnya juga pernah diwakafkan untuk tujuan kebajikan. Menurut Abu Zahrah (1959), wakaf hak-hak dan manfaat tidak dibahaskan secara tunggal. Sebaliknya, ulama fiqh membahaskan berkaitan hak-hak yang boleh diwakafkan sekiranya ia melekat pada 'ayn dan 'ayn tersebut diterima sebagai wakaf. Manakala hak-hak yang tidak disandarkan pada apa-apa bahan (mujarrad), tidak boleh diwakafkan. Misalnya hak penyewa pada manfaat sewaan. Ini kerana, hak-hak tersebut adalah hak individu (shakhsiyah) dan tidak disandarkan pada bahan (al-a'yan) melainkan hanya

tanggung. Namun sebaliknya, Imam Malik berpandangan harus mewakafkan manfaat rumah yang disewa dalam tempoh sewaan (al-Dusuqi, t.th).

Manakala, Abu Zahrah mendapati, mazhab Hanafi membenarkan berwasiat dengan hak-hak penggunaan, justeru menimbulkan persoalan adakah dibolehkan juga berwakaf dengannya. Menurut Abu Zahrah, hak-hak penggunaan yang terdapat pada *‘ayn* seperti saluran air boleh diwakafkan menurut asas qawa’id pada keharusan wakaf *‘aqar* selama mana ditentukan. Oleh yang demikian, hak-hak tidak boleh diwakafkan dengan sifat haknya semata, tetapi perlu berhubungkait dengan harta alih. Sekiranya harta alih tersebut boleh diwakafkan, maka binaan dan tanaman di atasnya harus diwakafkan. Namun, Imam Ahmad dan Imam Hanafi mengiktiraf hak-hak penggunaan yang terdapat pada wakaf tersebut sebagai harta alih, sedangkan ulama mazhab Maliki dan lainnya menisbalkannya sebagai harta tidak alih. Menurut kaedah fiqh “harta-harta alih yang boleh dijual beli, yang boleh diwariskan, serta yang diamanahkan pemilikan, maka diamanahkan juga ke atasnya dengan apa yang thabit daripada hak-hak, dan setiap apa yang boleh dijual beli boleh diwakafkan”. Maka hak-hak yang thabit dengan sebab harta alih, thabitlah juga wakaf padanya.

Al-Shahrani (2004) dalam kajiannya menyatakan, terdapat pandangan bahawa penulisan dan pendidikan adalah termasuk dalam sedekah jariah (wakaf). Ini sebagaimana pandangan ulama berdasarkan hadis sahih muslim berkenaan amalan yang tidak terputus walaupun selepas kematian. Al-Zarqa’ (1998) berpandangan, kebanyakan ulama dalam sejarah Islam adalah lahir daripada wakaf ilmu. Sedangkan penyebaran ilmu dalam kalangan masyarakat boleh menggalakkan penyebaran tentang wakaf dan seterusnya akan muncul banyak wakaf dalam bentuk yang baru (Monzer Qahf, 2000). Antaranya, mewakafkan hak-hak harta daripada ciptaan dan karya penulisan. Hasil pendapatan (hak ekonomi) daripada hak cipta juga boleh dilaburkan pada urusan kebajikan kerana masalah dan apa yang tidak bertentangan dengan niat pewakaf (‘Abd al-Qadir, 2009). Menurut Monzer Qahf (2000), hak eksploitasi pemilikan maknawi (hak penulisan, hak reka cipta, hak nama perniagaan) ini merupakan gambaran baru dalam perwakafkan hak. Justeru, kumpulan pengkarya dan tenaga-tenaga pakar dalam penciptaan perisian dan sistem ini dapat membantu pelajar dan masyarakat menguasai pembelajaran dengan lebih berkesan disamping meluaskan amalan berwakaf yang menjanjikan ganjaran berterusan sekalipun tanpa aset tetap. Bentuk perwakafkan ini seperti di rajah 2.

Rajah 2: Wakaf al-Huquq wa al-Manfaah



Pembudayaan berwakaf ini juga boleh dibuat melalui pemilikan hak penerbitan dan penyiaran iklan grafik, visual, penulisan atau mana-mana bentuk lain daripada hak cipta. Penyerahan hak ke atas pemilikan hasil karya membebaskan pemilik daripada menerima sebarang royalti daripadanya dan tidak lagi boleh menerima apa-apa bayaran setelah diserahkan kepada penerima manfaat atau benefisiari. Sekiranya pemilik asal mewakafkan hak pada mana-mana pemilikan karya secara umum (wakaf am) maka masyarakat awam sebagai penerima manfaat tidak boleh mengambil kesempatan menjana

pendapatan secara peribadi daripadanya. Namun sekiranya pemilik asal mewakafkan hak pada karyanya kepada pihak tertentu sebagai wakaf khas, maka penerima wakaf khas berhak mengambil manfaat dan mengembangkan hasil daripada untuk pendapatan atau apa jua kepentingan secara syar'i. Sekiranya wujud kos bagi tujuan penghasilan atau pengembangan karya ia adalah di bawah tanggungan pemilik asal melainkan pemilik asal menyatakan hanya ingin mewakafkan kepakaran atau hak pemilikan sahaja. Wakaf yang diserahkan melalui nazir (pengelola) maka ia perlu diurus oleh pihak yang memahami wakaf secara syar'i dan menjiwai roh wakaf itu sendiri agar manfaat wakaf tidak terhenti (Siti Syarwani, 2019).

Selain itu, perisian perpustakaan digital (PPD) antara bentuk pewakafan hak yang berpotensi dilaksana. PPD ini merupakan pengganti pengelolaan perpustakaan yang manual. Konsep *e-book* (buku elektronik) telah membuka pintu bagi sesebuah perpustakaan melakukan transformasi dari perpustakaan manual kepada perpustakaan digital, malah semakin bertambah seperti wujudnya perpustakaan digital Islam (*Islamic Digital Library*) (Siti Syarwani, 2021). Antara contoh yang menjadi pusat pencarian maklumat dan bahan daripada pelbagai cabang ilmu dalam kalangan sarjana adalah *al-Maktabah al-Syamilah*. Projek wakaf *al-Maktabah al-Syamilah* yang dilaksanakan oleh beberapa pihak seperti *al-Maktab al-dakwat bi al-Raudah (di Arab Saudi)* dengan kerjasama *Jawal al-Khayr*, telah menghimpunkan penulisan karyawan klasik dan kontemporari dalam pelbagai bidang untuk kegunaan penuntut ilmu melalui perisian 85 operasi (*operating software*), *app store (application storage)*, dan *play store (play storage)* (al-Maktabat al-Shamela 2013). Ribuan koleksi kitab terkumpul dalam satu perisian (*software*) yang praktis, kos rendah, berinformasi dan mudah diakses. Jumlah kitab dalam pelbagai disiplin ilmu ini adalah lebih daripada 14031 (Khairul Asyraf Mohd Nathir et.al 2019).

Seterusnya, melalui mana-mana pemilikan hak di bawah hak cipta yang boleh memberi hasil pendapatan yang baik kepada pemiliknya, maka kaedah lain yang boleh digunakan dalam berwakaf adalah galakan berwakaf secara tunai daripada royalti yang diterima. Pemilik hak cipta boleh mewakafkan nilai bagi setiap hasil karya miliknya. Sebagai contoh, pengguna media yang kreatif menggunakan ruang yang ada bagi tujuan menjana pendapatan menerusi *youtube*, mereka akan beroleh pembayaran daripadanya bagi tontonan (*view*) dan tanda suka (*like*) orang awam ke atas terbitan mereka yang memenuhi syarat *youtube*. Maka, hasrat pemilik asal untuk mewakafkan hasilnya boleh dinyatakan dalam kontrak bahawa pendapatan keseluruhannya atau peratusan tertentu daripada hasil tontonan atau *like* pengguna media diniatkan sebagai wakaf oleh pemilik asal selaku pewakaf. Pihak atau institusi penerima wakaf perlu mengetahui kontrak tersebut adalah wakaf supaya dana tunai tersebut diurus secara wakaf iaitu penukaran kepada aset atau dikembangkan secara pelaburan dan dikekalkan nilai asal. Justeru, hasil kekayaan dan manfaat daripada hak cipta yang memberi hasil ekonomi seharusnya dapat yang memberi manfaat berupa ilmu dan bayaran royalti secara berterusan adalah bertepatan dengan amalan yang sering dikaitkan dengan ganjaran pahala yang berterusan ini.

KESIMPULAN

Wakaf seharusnya menjadi satu instrumen penting dalam mengembangkan harta kekayaan dan pembangunan umat Islam agar lebih banyak manfaat harta dapat disalurkan kepada masyarakat Islam. Hasil kajian mendapati tiga bentuk harta wakaf yang dapat membangunkan sosio-ekonomi ummah pada masa kini iaitu harta tak alih (*ʿAqar*), harta alih (*Manqul*) serta hak dan manfaat (*Al-Huquq wa al-Manfaʿah*). Kajian ini diharap memberi pengetahuan kepada masyarakat umum berkenaan wakaf dan amalan pembudayaannya dalam kehidupan ke arah pembangunan ummah dalam aspek pendidikan, ekonomi dan sosial. Seterusnya, kajian ini mencadangkan kepada pihak-pihak bertanggungjawab dan berkepentingan yang terlibat dalam menguruskan institusi wakaf di Malaysia agar menggiatkan usaha menyebarkan kefahaman mengenai wakaf, kepentingan dan manfaatnya serta hal-hal lain yang seangkatan dengannya bagi memastikan kelestarian wakaf terpelihara dan harta tersebut dapat dimanfaatkan dalam konteks masyarakat Islam di Malaysia khususnya.

RUJUKAN

Abu Zahrah, M. (1959). *Muhadarat fi al-Waqf*. t.tp.: Jamicah al-Dawl al-ʿArabi.

-
- Abu Zahrah, M. (1971). *Muhadarat fi al-Waqf*. al-Qaherah: Dar al-Fikr al-^oArabi.
- al-Bukhari, Abdullah Muhammad Ismail. (1422H). *Al-Jami' al-Sahih*. Beirut: *Dar al-Tauq al-Najah*.
Kitab al-Zakat: Bab *Qaulullah Taala wa fi al-Riqab wa fi Sabilillah*. No. Hadis 1468.
- al-Dusuqi, S. D. M. (t.th). *Hashiyah al-Dusuqi 'ala Sharh al-Kabir*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- al-Jurjani, A. M. (1983). *Al-Ta'rifat*. Bayrut: Lubnan: Dar al-Kutb al-^oAlamiyah.
- al-Marghinani, A. H. (1980). *Al-Hidayah Sharh Bidayah al-Mubtadi'*. Jil. 3. Misr: ^oIsa al-Babi al-Halabi.
- al-Shahrani, H. M. (2004). *Huquq al-Ihtira' wa al-Ta'lif fi al-Fiqh al-Islami*. Riyad: Dar Taybat li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- al-Zarqa', M. A. (1998). *Ahkam al-Awqaf*. Oman: Dar al-^oUmar.
- al-Zuhayli, W. (2004). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Jil. 4. Dimashq: Dar al-Fikr.
- al-Zuhayli, W. (2005). *Al-Wajiz fi al-Fiqh al-Islami*. Jil. 3. Dimashq: Dar al-Fikr.
- Amir Shaharuddin. (2020). *Pertingkat strategi manfaatkan dana wakaf*. Berita Harian.
<https://www.bharian.com.my/kolumnis/2020/09/733919/pertingkat-strategi-manfaatkan-dana-wakaf>.
- Anon. (2007). *Sejarah dan Perkembangan Wakaf* <http://bwi.or.id/index.php/in/sejarah-a-perkembangan-wakaf-tentang-wakaf-118.html>.
- Asmak, R. (2009). *Peranan Wakaf dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia*. Jurnal Syariah, Jil. 17, (1). Dlm *International Conference Islamic Economy and Social Justice: Reinforcing Equity for The Common Well di Indonesia pada 24-27 Julai 2008*: 113-152.
- ^oAbd al-Qadir, A. W. Q. (2009). *Waqf al-Asham wa al-Sukuk wa al-Manafi' wa al-Huquq al-Ma'nawiyah al-Ta'sil- al-Tadbiq-al-Ahkam*. Jeddah: Jamiah al-Malik ^oAbd al-^oAziz.
- Cizakca, M. (t.th). *A History of Philanthropic Foundations: the Islamic World from The Seventh Century to the Present*. *Academia.edu*. <https://www.academia.edu> [12 Januari 2015].
- Enakmen Wakaf (Negeri Selangor). (2015).
http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen2011/State_Enact_Ori.nsf/f831ccddd195843f48256fc600141e84/457948dcef51147148257f6f000e4f0b?OpenDocument.
- Fajar, H. (t.th). *Wakaf Tunai Produktif*. Yogyakarta: Universiti Islam Indonesia JI Kaliurang.
- Fathullah al-Haqq, M.A., & Jasni Sulong. (2017). *Wakaf Tunai Dan Aplikasinya Dalam Undang-undang Di Negara Asean*. *Jurnal Syariah*, Jil. 25, Bil. 2. 217-246.
- Hydzulkifli, H. O. & Asmak, A. R. (2013). *Aplikasi Sukuk dalam Usaha Melestarikan Aset Wakaf: Pengalaman Pemegang Amanah Wakaf Terpilih Dlm*. *Jurnal Syariah*. Jil. 21. Bil. 2. hlm: 89-116.
- Ibn ^oAbidin, M. A. (1994). *Rad al-Mukhtar 'ala al-Dar al- Mukhtar Sharh Tanwir al-Absar*. Jil.7. Beirut: Dar al-Kutub al-^oAlamiyyah.
- Ilah Hafiz Aziz. (2019). *Aset Wakaf Kurang Jana Ekonomi Ummah*.
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/11/627367/aset-wakaf-kurang-jana-ekonomi-ummah-wan-azizah>.
- Ismail Omar. (2020). *Pelan Induk Wakaf Nasional Urus Aset Lebih Sistematis*. Berita Harian.
<https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2020/11/752375/pelan-induk-wakaf-nasional-urus-aset-lebih-sistematis>.
- Johor Corporation. (2019). *Laporan Tahunan 2019*. Johor Bahru.
https://jcorp.com.my/file/2020/10/JCorp_AR2019_Bm_Corporate-1.pdf.
-

- Khairul Asyraf M. N. et al. (2019). Penggunaan Perisian Atlas.Ti 8 dan Maktabah Syamilah Dalam Kajian Kualitatif Bahasa Arab. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 5 (2), 2019 57-67, e-ISSN: 2289-960X.
- Monzer Qahf. (1998). Financing the Development of Awqaf Property. *Seminar on Development of Awqaf Organized by IRTI*. Kuala Lumpur. 2-4 Mac. hlm. 1-46.
- Monzer Qahf. (2000). *Al-Waqf al-Islami Tatawwurihi, 'Idaratihi, Tanmiyatih*. Dimashq: Dar al-Fikr.
- Siti Mashitoh, M. (2007). Pembentukan Dana Wakaf Menurut Perspektif Syariah dan Undang-undang serta Aplikasinya di Malaysia. *Jurnal Syariah*. 15 (2):61-83.
- Siti Syarwani, G. (2019). Wakaf Hak Cipta Dalam Usaha Membudaya Pendidikan. *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 24-25 April 2019, Bangi: KUIS.
- Siti Syarwani, G. (2021). Wakaf Hak Dalam Karya Sastera Menurut Perundangan Wakaf Dan Kesannya Terhadap Pendidikan. Kuala Lumpur: Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur. *1st International Research Conference On Shariah Compliant Industries: Global Economic Development*. 9-11 Februari. e-ISBN 978-967-16843-1-3.
- Zawiyah, M. Y. (2012). Kaedah Kajian. Bangi: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. DOI. 10.13140/RG.2.1.1443.0168